

MAHATHIR - PBB R'R'R'

1983
KUCHING, 10 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BETAPA PERLUNYA SISTEM DEMOKRASI DIAMALKAN DENGAN BERKESAN BAGI MENGELAKKAN KEMUNGKINAN WUJUDNYA PEMERINTAHAN DIKTATOR DI MASA DEPAN.

KEBANYAKAN NEGARA DEMOKRASI YANG JATUH KE TANGAN PEMERINTAHAN DIKTATOR IALAH KERANA RAKYAT NEGARA TERSEBUT TIDAK TAHU MENGGUNAKAN DEMOKRASI DENGAN SEMPURNA, KATA PERDANA MENTERI.

BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG PARTI PESAKA BUMIPUTRA BERSATU (PBB) DI SINI, BELIAU BERKATA DALAM KEADAAN NEGARA YANG KUCAR-KACIR, SEBUAH PEMERINTAHAN MUTLAK ATAU FEUDAL ADALAH PERLU UNTUK MENGEMBALIKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN.

BAGAIMANA PUN, ADA PULA PEMERINTAHAN DIKTATOR YANG MENYELEWENG TETAPI RAKYAT TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA KERANA PEMERINTAH DIKTATOR ITU BEGITU BERKUASA.

DI MALAYSIA, JIKA RAKYAT MENDAPATI KERAJAAN MENYELEWENG MEREKA BOLEH MEMILIH KERAJAAN YANG LAIN DALAM PILIHANRAYA YANG DIADAKAN SETIAP LIMA TAHUN SEKALI, KATANYA. -- LAGI 1641/MK

MAHATHIR - PBB 2 KUCHING R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SISTEM DEMOKRASI MALAYSIA ADALAH LEBIH KOMPLEKS DARI NEGARA-NEGARA LAIN MEMANDANGKAN PENDUDUK NEGARA INI BERBILANG KETURUNAN, AGAMA DAN BAHASA.

DALAM MASYARAKAT MAJMUK INI, TOLAK ANSUR ADALAH PERLU ATAU PERTELINGKAHAN AKAN TIMBUL, KATANYA.

DI KEBANYAKAN NEGARA BARAT SISTEM DEMOKRASI MUDAH DILAKSANAKAN KERANA MASYARAKATNYA TERDIRI DARIPADA SATU KAUM, SATU AGAMA DAN SATU BAHASA.

TETAPI ADA NEGARA LAIN YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI ALA-BARAT ITU KEMUDIANNYA HANCUR DAN DIGANTIKAN DENGAN SISTEM PENTADBIRAN DIKTATOR, KATANYA.

DI MALAYSIA SISTEM KERAJAAN CAMPURAN DIAMALKAN SEJAK MERDEKA LAGI TETAPI BUKAN CARA +BIDAN TARIK+ SEPERTI DI SETENGAH-SETENGAH NEGARA.

KERAJAAN CAMPURAN INI DARI ZAMAN PERIKATAN HINGGA KE BARISAN NASIONAL SEKARANG DISEPAKATI DARI SEBELUM PILIHANRAYA DAN BUKAN SESUDAH PILIHANRAYA, KATANYA. -- LAGI 1702/MK

MAHATHIR - PBB 3 KUCHING R'R'R'

PEMBAHAGIAN KUASA DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN DIBUAT BEGITU RUPA UNTUK TIDAK MENJEJASKAN DEMOKRASI, KATANYA.

DENGAN ADANYA TOLAK ANSUR DAN PERSEFAHAMAN DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA, BARISAN NASIONAL TERUS DAPAT BERKUASA DI PERINGKAT NEGERI DAN PUSAT, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN SELANJUTNYA MENASIHATKAN SETIAP PARTI KOMPONEN SUPAYA SENTIASA MEMILIHARA PERPADUAN DAN KEUTUHAN PARTI MASING-MASING.

KATANYA, BELIAU TIDAK BERMaksud MENCAMPURI URUSAN RUMAHTANGGA PARTI-PARTI TERSEBUT TETAPI SEBAGAI PENERUSI BN, BELIAU HARUS MEMASTIKAN KEMANTAPAN DAN PERPADUAN PARTI-PARTI KOMPONEN.

KRISIS DALAM PARTI POLITIK ADALAH SATU PERKARA BIASA TETAPI TIDAK HARUS DIBIARKAN BERLELUASA HINGGA BOLEH MENJEJASKAN KEUTUHAN PARTI DAN BN SELERUHNYA.

DALAM APA-APA JUGA MASALAH, KEPENTINGAN PARTI DAN NEGARA HENDAKLAH DIBERI KEUTAMAAN, TAMBAHNYA. -- LAGI 1724/MK

MAHATHIR - PBB 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEMAJUAN DI SARAWAK, PERDANA MENTERI BERKATA PEMBANGUNAN PESAT YANG DICAPAI DI NEGERI ITU IALAH HASIL DARI KESTABILAN POLITIK DAN KEDEWASAAN KEPIMPINAN SARAWAK.

TANPA KEDEWASAAN POLITIK, KEKAYAAN WANG RINGGIT ADALAH TIDAK BERMAKNA.

SARAWAK KAYA DENGAN BERBAGAI HASIL TERMASUK MINYAK, BALAK DAN ARANG BATU SEJAK ZAMAN PENJAJAHAN LAGI TETAPI PEMBANGUNAN PESAT HANYA BERLAKU SELEPAS KEMERDEKAAN, KATANYA.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, MENTERI-MENTERI NEGERI, DAN WAKIL-WAKIL DARI PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH MENZIARAHI YANG DI-PERTUA NEGERI TUN DATUK PATINGGI ABDUL RAHMAN YAAKOB DI HOSPITAL BESAR DI SINI.

BELIAU BERLEPAS PULANG PETANG TADI. -- BERNAMA 1754/MK